

KETOKOHAN DAN SUMBANGAN SULTAN ABDUL HAMID II SEBAGAI KHALIFAH TERAKHIR DAWLAH UTHMANIYYAH BERLANDASKAN PRINSIP AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

SULTAN ABDUL HAMID II'S LEADERSHIP AND CONTRIBUTIONS AS THE
LAST CALIPH OF OTTOMAN EMPIRE WITH REFERENCE TO QURANIC AND
SUNNAH PRINCIPLES

Nik Zaitun Yusni Ali

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.

E-mail: nzy_nik@yahoo.com

Mohd Roslan Mohd Nor

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.

E-mail: m_roslan@um.edu.my

Abstrak

Ketokohan dan sumbangan Sultan Abdul Hamid II sebagai khalifah terakhir Dawlah Uthmaniyyah tidak dapat disangkal lagi. Ia terbukti dengan kejayaan baginda menghadapi pelbagai cabaran ekoran daripada permasalahan yang melanda Dawlah Uthmaniyyah semenjak dari mula-mula baginda memegang tampuk pemerintahan lagi iaitu pada tahun 1876 M. Takhta pemerintahan yang diwarisi itu telah sedia ada lemah dan menuju kepada ambang kejatuhan Dawlah. Walau bagaimanapun, dengan ketokohan baginda, baginda dapat menanggukkan kejatuhan Khilafah Islamiyyah selama lebih satu pertiga abad. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa Sultan Abdul Hamid II adalah antara Sultan yang paling hebat dalam sejarah khalifah Dawlah Uthmaniyyah selepas Sultan Sulaiman Al-Qanuni. Banyak sumbangan serta pembaharuan yang telah dilakukan dalam tempoh 33 tahun pemerintahannya termasuk dalam bidang ekonomi, pengangkutan, perhubungan, pendidikan dan sebagainya. Tidak ketinggalan juga dengan sumbangan baginda yang paling besar kepada dunia Islam apabila baginda menjadi penjaga kepada bumi Palestin, di mana terletaknya kiblat pertama umat Islam iaitu Masjid al-Aqsa. Berdasarkan kaedah historis, kajian ini mengkaji ketokohan dan sumbangan Sultan Abdul Hamid II sebagai khalifah terakhir Dawlah Uthmaniyyah sebelum jatuhnya sistem Khilafah pada tahun 1922 M. Ketokohan baginda terlihat dalam pelbagai aspek seperti ekonomi apabila baginda berjaya mengurangkan kadar hutang sehingga menjadi satu persepuluh sahaja daripada jumlah hutang sebelum ini. Kebijakan baginda dalam berhadapan dengan konspirasi Yahudi Zionis bagi menguasai Palestin turut memberi tekanan kepada pihak musuh itu. Meskipun dengan keadaan Dawlah Uthmaniyyah yang tidak stabil, Sultan Abdul hamid II tetap mampu meneruskan kelangsungan Khilafah di bawah pemerintahannya sehingga pada tahun 1909 M.

Kata Kunci: Sultan Abdul Hamid II, Dawlah Uthmaniyyah, Zionis, Palestin, Pentadbiran Islam

Abstract

The leadership and contribution of the final caliph of Ottoman, Sultan Abdul Hamid II are undisputable. A large number of innovations have been made during his 33 years of administration including economics, transportation, communications, education and more. Not to be overlooked is his greatest contribution to the Muslim world when he became the custodian of the first Qibla of Muslims that is al-Aqsa Mosque of the Palestinian land. This study examines the leadership and contribution of Sultan Abdul Hamid II as the last caliph of Ottoman before the fall of the Caliphate system in 1922 through historical method. His leadership is scrutinized in many aspects such as economics when he succeeded in reducing debt levels to just one tenth of total debt. Moreover, his policies in dealing with the Zionist Jewish conspiracy to control

Palestine also put pressure on the enemy. Despite the fact that the Ottoman state was unstable, Sultan Abdul Hamid II was able to continue the caliphate legacy under his rule until 1909.

Keywords: Sultan Abdul Hamid II, Ottoman Empire, Palestine, Zionists, Islamic governance

Pengenalan

Sultan Abdul Hamid II menaiki takhta pada tempoh yang sukar di mana terdapatnya pergerakan-pergerakan antarabangsa dan juga nasional yang mula berusaha untuk melemahkan kesatuan Dawlah Uthmaniyyah. Antaranya adalah Pergerakan Zionis di Eropah yang menyasarkan tujuannya bagi mendapatkan tapak di wilayah Dawlah Uthmaniyyah.¹

Nama penuh baginda adalah Sultan Abdul Hamid II bin Sultan Abd al-Majid bin Sultan Mahmud II. Ayahanda baginda bernama Sultan Abd al-Majid manakala bondanya bernama Tir Mizkan Qadin Afandi.² Baginda dilahirkan pada 16 Sya'ban tahun 1258 H/1842 M.³ Sultan Abdul Hamid II adalah Sultan Uthmaniyyah yang ke-34 atau Sultan yang terakhir memegang kuasa tampuk pemerintahan Dawlah Uthmaniyyah. Baginda menaiki takhta pemerintahan ketika usianya hampir 34 tahun.

Baginda berkuasa selama 33 tahun bermula dengan pertabalan baginda sebagai khalifah pada tahun 1876 M sehinggalah baginda tidak lagi berkuasa akibat daripada penggulingan yang dilakukan keatasnya pada tahun 1909. Selepas daripada peristiwa pelucutan jawatan baginda sebagai khalifah, baginda hidup dalam buangan selama 9 tahun sehingga baginda mangkat pada tahun 1918 M.

Sultan Abdul Hamid II digambarkan oleh para penganalisis sejarah Islam sebagai seorang Sultan yang kuat keazaman Islamnya meskipun dilahirkan di penghujung usia empayar warisannya yang sudah nazak. Kuasa-kuasa Eropah yang berjiran pada masa itu menganggap bahawa Dawlah Uthmaniyyah keseluruhannya sebagai "orang sakit Eropah". Mereka telah menggunakan kelemahan-kelemahan Dawlah Uthmaniyyah untuk menekan dan melemahkan empayar Islam ini.⁴ Kejatuhan Khilafah Islamiyyah merupakan kejayaan bagi mereka.

¹ Caesar E. Farah, *Abdulhamid II and The Muslim World* (Istanbul: Foundation for Research on Islamic History, Art and Culture (ISAR), 2008), 10.

² Eeman Mohamed Abbas, *Sultan 'Abd al-Hamid II dan Kejatuhan Khilafah Islamiah: Peranan Gerakan Nasionalis & Golongan Minoriti* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2007), 102.

³ Ali Muhammad Ash-Shalabi, *Dawlah al-'Uthmaniyyah 'awamih al-nuhud wa-asbab al- suqut: Bangkit dan runtuhnya Khilafah Utsmaniyyah*, terj. Samson Rahm (Jakarta Timur: Pustaka Al-Kautsar, 2003), 533.

⁴ Mohamad Fauzi Zakaria dan Mohd Roslan Mohd Nor, *Bumi yang Dijanjikan: Konflik Palestin-Israel* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013), 138.

Meskipun begitu, ketokohan Sultan Abdul Hamid II dapat membendung dan memperlambat proses ini daripada berlaku. Baginda menggunakan segala kudrat yang ada untuk terus memberi sumbangan kepada Dawlah.

Sumbangan Sultan Abdul Hamid II kepada Dawlah Uthmaniyyah dan Dunia Islam

Pengangkutan dan Perhubungan: Sistem Telegraf

Pada tahun 1877, Dawlah Uthmaniyyah memiliki rangkaian telegraf yang kelapan terbesar di dunia, yang meliputi lebih dari 17 ribu batu. *Dawlah* yang merangkumi beberapa bahagian dari 3 benua, bandar-bandar dan wilayah-wilayahnya terpisah oleh padang pasir, gunung-ganang, laut dan sungai. Walau bagaimanapun, menemukan telegraf sebagai sebuah sistem komunikasi dan kesatuan yang ideal. Bahkan tidak ada teknologi lain pada abad ke-19 ini yang memberi kesan secara meluas dan mendalam selain daripada sistem telegraf ini.⁵

Sistem perhubungan telegraf merupakan antara perkara pertama yang dititikberatkan oleh Sultan Abdul Hamid II sebaik sahaja baginda menaiki takhta khilafah.⁶ Menurut baginda di dalam Memoirnya:

Ketika aku naik takhta, maka aku pun segera memasukkan jaringan telegraf di segenap penjuru negeri, sementara pada waktu itu teknologi telegraf belum masuk ke banyak negara termasuk negara Eropa sendiri.⁷

Aku menjalankan proyek pemasangan instalasi jaringan telegraf yang mencapai 30,000 kilometer hingga menjangkau ke pelosok kampung-kampung, di

⁵ Yakup Bektas, "The Sultan's Messenger: Cultural Constructions of Ottoman Telegraphy, 1847-1880," *Technology and Culture* 41, 4 (Oktober 2000), 669& 670.

⁶ Eeman Mohamed Abbas, *Sultan 'Abd al-Hamid II dan Kejatuhan Khilafah Islamiah: Peranan Gerakan Nasionalis & Golongan Minoriti*, 223.

⁷ Muhammad Harb, *Muzakkirat Sultan Abdul Hamid II: Memoar Sultan Abdul Hamid II: Benteng Terakhir Khilafah Utsmani Dalam Menghadapi Yahudi Freemason dan Sekular Liberal*, terj. Masturi Irmah & Mujiburrahman (Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2013), 205.

*bawah pengawasan ketat diriku secara langsung.*⁸

Sistem telegraf diperkenalkan kepada Dawlah Uthmaniyyah ketika mana teknologi ini masih berada pada peringkat awal. Pada tahun 1839, Mellen Chamberlain telah membuat lawatan ke Istanbul (Constantinople) bagi menunjukkan alat yang baru diciptakan itu dengan harapan bagi mendapat persetujuan daripada Sultan. Disebabkan beliau tidak dapat memperolehi bahan mentah bagi mengeluarkan hasil yang bagus, Chamberlain pergi ke Vienna bagi membuat penambahbaikan. Walau bagaimanapun, beliau telah lemas oleh kerana kapalanya terbalik di Danube.⁹

Ia sesuatu yang baru bagi masyarakat pada ketika itu, tetapi penerimaan terhadap teknologi telegraf ini amat baik sekali. Menurut William P. Andrew,

*The railway and telegraph are not only of incalculable value as political instruments, but they are the pioneers of enlightenment and advancement: it is theirs to span the gulf which separates barbarism from civilization; and this is an enviable lot, by whose exertions, the arts and industry, the capital and enterprise, the knowledge of humanity of Western Europe shall be familiarized and brought home to the dwellers in the East.*¹⁰

Kepentingan telegraf sebagai alat komunikasi di dalam proses penyampaian maklumat pentadbiran, peradaban dan politik tidak dapat disangkal lagi. Oleh yang demikian, baginda berusaha untuk memperkembangkan telegraf hingga kepada perhubungan *wireless* supaya perhubungan komunikasi menjadi lebih pantas. Baginda membina stesen-stesen telegraf bagi setiap bandar di dalam Dawlah Uthmaniyyah dan menghubungkannya dengan Istanbul melalui rangkaian yang luas. Satu stesen dibina di Makkah, al-Madinah al-Munawwarah, Damsyik, Tripoli Barat, India dan juga bandar-bandar lain. Bagi memikul tanggungjawab dalam

pelaksanaan projek ini, satu kementerian khusus telah ditubuhkan iaitu Kementerian Telegraf.¹¹

Sebelum wujudnya telegraf, “komunikasi” digunakan untuk menggambarkan pengangkutan serta penghantaran mesej bagi sebab yang mudah. Pergerakan mesej bergantung kepada mereka yang berjalan kaki, menunggang kuda ataupun dengan kereta api. Dengan adanya telegraf, ia telah menamatkan identiti ini dengan membolehkan simbol bergerak bebas dan lebih cepat daripada pengangkutan. Komunikasi melalui telegraf juga bebas daripada kekangan geografi. Oleh itu, telegraf tidak hanya mengubah hubungan diantara komunikasi dan pengangkutan, malah juga mengubah cara-cara asas bagaimana komunikasi itu difikirkan.¹²

Pengangkutan dan Perhubungan: Pembinaan Landasan Keretapi

Landasan kereta api Hijaz adalah jalan pengangkutan yang paling penting dibangunkan pada masa pemerintahan Sultan Abdul Hamid II. ‘Izzat Pasya Al-‘Abid merupakan orang terpenting yang memainkan peranan dalam pembinaan landasan kereta api ini. Beliau yang berasal dari Syam telah mendapat kepercayaan Sultan bagi mengelola projek pembinaan ini.¹³

Pembangunan kereta api ini mempunyai tiga tujuan utama. Pertama, menghubungkan antara wilayah-wilayah Uthmaniyyah yang saling berjauhan bagi membantu menyebarkan pemikiran kesatuan pemerintahan Dawlah dan juga pemikiran Pan Islamisme. Selain dapat mengawal semua wilayah yang memerlukan pengawasan yang ketat daripada pemerintah. Kedua, memaksa wilayah-wilayah itu untuk masuk ke dalam naungan pemerintahan Dawlah Uthmaniyyah, serta taat pada hukum dan undang-undang ketenteraan yang mewajibkan setiap wilayah untuk ikut serta membela pemerintahan khilafah dengan cara memberikan bayaran berupa harta dan mengirinkan pasukan. Ketiga, mempermudah tugas pengamanan dan pertahanan khilafah dari mana-mana sahaja pihak yang berusaha melakukan penentangan terhadap pemerintah. Dengan adanya rel-rel kereta api akan dapat

⁸ *Ibid.*

⁹ Yakup Bektas, “The Sultan’s Messenger: Cultural Constructions of Ottoman Telegraphy, 1847-1880,” *Technology and Culture* 41, 671.

¹⁰ W. P. Andrew, *Memoir on the Euphrates Valley Route to India: with Official Correspondence and Maps* (London: Wm. H. Allen & Co., 1897), 161 & 162.

¹¹ Eeman Mohamed Abbas, *Sultan ‘Abd al-Hamid II dan Kejatuhan Khilafah Islamiah: Peranan Gerakan Nasionalis & Golongan Minoriti*, 721.

¹² James W. Carey, *Communication As Culture: Essays on Media and Society* (New York: Routledge, 1992), 203 & 204.

¹³ Ali Muhammad Ash-Shalabi, *Dawlah al-‘Uthmaniyyah ‘awamil al-nuhud wa-asbab al- suqut: Bangkit dan runtuhnya Khilafah Utsmaniyyah*, terj. Samson Rahman, 572 & 573.

membantu menyebarkan kekuatan secara cepat ke setiap pelusuk Dawlah.¹⁴

Pada bulan Ogos tahun 1908 M, rel kereta api telahpun sampai ke Madinah Al-Munawwarah. Sepatutnya rel itu sampai ke Mekah. Namun projek itu terhenti disebabkan penguasa Mekah iaitu Husein bin Ali sangat bimbang pemerintahan Uthmaniyyah akan mengancam kekuasaannya di Hijaz. Oleh itu, baginda bangkit untuk menghalang projek pembangunan ini. Maka rel kereta api ini hanya sampai di Madinah. Sehingga terjadi Perang Dunia I, Inggeris membuat pakatan dengan kekuatan Arab yang dipimpin oleh Faishal bin Al-Husein bin Ali bagi menghancurkan rel kereta api Hijaz. Oleh kerana itu, rel kereta api ini tidak boleh digunakan lagi sehingga kini.¹⁵

Di sebalik pelaksanaan sistem pengangkutan dan perhubungan ini, Sultan Abdul Hamid II mempunyai matlamat lain yang lebih strategik iaitu bagi mengukuhkan konsep "Kesatuan Islam" (Pan Islamisme) dan mengembangkan pemikiran-pemikiran yang berkaitan dengannya. Sistem pengangkutan dan perhubungan ini amat penting kerana ia akan memainkan peranan dalam menyebarkan akhbar, buku-buku serta jurnal-jurnal.¹⁶

Sultan Abdul Hamid II sebagai Pejuang Bumi Palestin

Dawlah Uthmaniyyah merupakan kerajaan Islam yang terhebat di zaman moden, bukan hanya itu, tetapi ia adalah salah satu Kerajaan Islam yang paling lama kekal di sepanjang zaman. Tidak kurang daripada tiga puluh enam orang Sultan yang memerintah dari tahun 1300 M hingga 1922 M.¹⁷

Pada tahun 1517, semasa pemerintahan Sultan Selim I, Palestin telah berjaya menjadi wilayah naungan *dawlah* Uthmaniyyah¹⁸ selepas berjaya mengalahkan kerajaan Mamluk dalam Perang Lajjun. Palestin kekal di bawah pemerintahan Dawlah Uthmaniyyah selama empat abad lamanya.¹⁹ Ini merupakan kejayaan terbesar *dawlah* sebagai khilafah yang menjadi ketua kepada seluruh umat Islam di seluruh dunia. Wilayah Palestin amat

signifikan bagi umat Islam kerana disitulah terletaknya kiblat pertama umat Islam.

Rasulullah SAW dan para sahabatnya menghadap Masjidil Al-Aqsa yang terletak di Al-Quds dalam solat mereka sejak diwajibkan solat pada malam Israk dan Mikraj pada tahun kesepuluh setelah diutusnya kenabian baginda iaitu tiga tahun sebelum peristiwa Hijrah. Selama berada di Mekah mereka solat menghadap ke arah al-Quds. Begitu juga dengan setahun dan empat bulan setelah mereka berhijrah ke Madinah. Ia berterusan sehinggalah turunnya firman Allah swt yang memerintahkan mereka agar menghadap ke arah Kaabah atau Masjidil Haram. Firman Allah swt:

Dan dari mana pun engkau (Muhammad) keluar, maka hadapkanlah wajahmu kearah Masjidil Haram. Dan di mana saja kamu berada, maka hadapkanlah wajahmu ke arah itu. (Al- Qur'an 2 : 150)

Selain daripada menjadi kiblat pertama dan bumi Israk Mikraj, Al-Quds juga merupakan kota ketiga yang dimuliakan di dalam Islam selepas Makkah al-Mukarramah (Masjidil Haram) dan Madinah al-Munawwarah (Masjidil Nabawi).²⁰ Kedudukannya sebagai bumi Israk Mikraj sepertimana firman Allah swt:

Maha Suci (Allah) yang telah memperjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa yang telah Kami berkahi sekelilingnya, agar Kami perhatikan kepadanya sebahagian tanda-tanda (kebesaran) Kami. (Al- Qur'an 17 : 1)

Dengan kedudukan Al-Quds yang amat mulia di sisi umat Islam ini, menjadi tanggungjawab setiap khalifah untuk terus mempertahankannya. Ini termasuklah kepada khalifah Sultan Abdul Hamid II yang memerintah khilafah bermula tahun 1876 M

¹⁴ *Ibid.*, 573.

¹⁵ Ali Muhammad Ash-Shalabi, *Dawlah al-Uthmaniyyah `awamil al-nuhud wa-asbab al- suqut: Bangkit dan runtuhnya Khilafah Utsmaniyyah*, terj. Samson Rahman, 575.

¹⁶ Eeman Mohamed Abbas, *Sultan `Abd al-Hamid II dan Kejatuhan Khilafah Islamiah: Peranan Gerakan Nasionalis & Golongan Minoriti*, 224.

¹⁷ Philip K. Hitti, *History of The Arabs: From the Earliest Times to the Present* (London: MacMillan LTD, 1956), 713.

¹⁸ Dra Hermawati, *Sejarah Agama & Bangsa Yahudi* (Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, 2004), 121.

¹⁹ Aref El-Aref, "The Closing Phase of Ottoman Rule in Jerusalem," dalam *Studies on Palestine During The Ottoman Period*, ed. Moshe Ma'oz (Jerusalem: The Magnes Press, 1975), 334.

²⁰ Yusuf al-Qaradhawi, *Al Quds: Qadhiyyatu Kulli Muslim: Al-Quds dan Palestin: Tanggungjawab Kita Bersama*, terj. Sanggar Terjemah Kahirah (Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise, 2012), 4-8.

hingga 1909 M. Tempoh ini menyaksikan pertembungan antara Sultan Abdul Hamid II dan Gerakan Zionisme.

Gerakan Zionisme dan Theodor Herzl

Gerakan Zionisme yang diterajui oleh Theodor Herzl muncul pada abad ke-19 atau lebih tepatnya pada 27 Ogos 1897 apabila Kongres Pertama Zionis diadakan di Basle, Switzerland.²¹ Antara ciri utama gerakan ini ialah ianya berasaskan kepada perkauman dengan mengkhususkan kepada bangsa Yahudi dan berlandaskan kepada kolonialisme. Gerakan Zionis menggunakan kekuatan ekonomi, politik serta kebijaksanaan pemikiran untuk merangka pelbagai rancangan termasuklah konspirasi Yahudi Zionis.²²

Theodor Herzl tidak pernah ragu tentang kewujudan sebuah negara Yahudi. Beliau menyatakan tentang kewujudan itu dengan berkata, "Kami adalah rakyat. Rakyat yang satu." Meskipun pada masa itu negara Yahudi masih belum wujud dalam peta dunia.²³ Di dalam diarinya yang bertarikh 3 September 1897, hanya beberapa hari selepas Kongres Pertama Zionis di Basel, Theodor Herzl menyatakan, "*At Basel, I founded the Jewish State. If I said this out loud today, I would be answered by universal laughter. Perhaps in five years, certainly in fifty, everyone will know it.*"²⁴

Dengan sikap optimis yang dimiliki Theodor Herzl, Pergerakan Zionis mula membuat kemajuan yang menggalakkan hasil langsung daripada "*Basel Platform*", jumlah penyertaan dalam Gerakan Zionis di seluruh dunia bertambah dari 117 kepada 913.²⁵

Sebelum tahun 1895, terdapat sedikit petunjuk bahawa Theodor Herzl (wartawan Yahudi Vienna) akan menumpukan perhatian serius kepada politik komunitinya atau juga akan mencadangkan penciptaan negara yang khusus buat bangsa Yahudi sebagai penyelesaian moden kepada masalah orang Yahudi yang hidup dalam era di mana meningkatnya nasionalisme dan anti-Semitisme di Eropah.²⁶

Walau bagaimanapun, tidak dapat dikesan bilakah bermulanya titik penting dalam diri Theodor Herzl sebagai seorang Zionis. Berdasarkan kisah daripada beliau sendiri, yang kini dipersoalkan oleh sarjana terkemuka Israel, bahawa "kes Dreyfus" yang membuatnya meninggalkan kerjaya lama beliau sebagai seorang wartawan demi Gerakan Zionis.²⁷

Pada tahun 1894, Alfred Dreyfus, seorang kapten Yahudi bertugas bersama Kakitangan Jeneral Perancis telah dituduh mengintip untuk Jerman. Ia menjadi tugas Theodor Herzl yang pada masa itu merupakan seorang wartawan untuk menyediakan akhbar di Vienna dengan kisah perbicaraan Dreyfus dan kesannya ke atas kehidupan awam di Perancis. Beliau telah hadir di Ecole Militaire, di mana lokasi Dreyfus dilucutkan *epaulets*. Peristiwa inilah yang memberi kesan kepada diri Theodor Herzl dan mengubahnya menjadi seorang Zionis.²⁸

Penjajahan Zionis ke atas Palestin dan Peranan Sultan Abdul Hamid II Mempertahankannya

Aliyah yang pertama terdiri daripada para ahli gerakan Pencinta Zion (*Hoveve Zion/Lovers of Zion*) berlaku pada tahun 1882M. Mereka menubuhkan penempatan pertanian di Palestin, yang mana bermula pada tahun 1890M projek ini mendapat tajaan daripada Yahudi-Perancis iaitu Baron Edmond de Rothschild.²⁹

Pada dasarnya, sektor pertanian bukanlah bidang kaum Yahudi. Tetapi mereka memahami bahawa hanya dengan menceburi bidang pertanian inilah akan memudahkan penguasaan mereka terhadap tanah Palestin. Oleh kerana itu, mewujudkan tanah-tanah untuk ladang Yahudi merupakan agenda politik Zionis dan bukan atas dasar ekonomi seperti kebiasaannya.³⁰

Dasar penghijrahan Yahudi Zionis bertujuan bagi menguasai bumi Palestin. Mereka sedar bahawa dengan jumlah penduduk yang besar mereka dapat melakukan sesuatu perancangan masa depan dengan lebih terjamin. Oleh yang demikian, mereka

²¹ Mim Kemal Oke, "The Ottoman Empire, Zionism, and the Question of Palestine (1880- 1908)," *International Journal of Middle East Studies* 14, 3 (August 1982), 329.

²² Shafie Abdul Rahman, *Zionis Israel: Detik Kehancurannya Semakin Hampir* (Selangor: Yamani Angle Sdn Bhd, 2016), 125-138.

²³ Sabaruddin Hussein, *Agenda Yahudi Menakluki Dunia: Rahsia di Sebalik Rahsia* (Selangor: PTS Islamika, 2011), 59.

²⁴ M. Shahid Alam, *Israeli Exceptionalism: The Destabilizing Logic of Zionism* (New York: Palgrave MacMillan, 2009), 7 & 8.

²⁵ Howard Morley Sachar, *The Course of Modern Jewish History* (New York: A Delta Book, 1963), 274.

²⁶ Marwan R. Buheiry, "Theodor Herzl and the Armenian Question," *Journal of Palestine Studies* 7, 1 (1977), 81.

²⁷ Ilan Pappé, *A History of Modern Palestine*, ed. ke-2 (New York: Cambridge University Press, 2006), 36.

²⁸ Arthur Hertzberg, *The Zionist Idea: A Historical Analysis and Reader* (New York: Doubleday & Company, Inc. and Herzl Press, 1959), 202.

²⁹ *The Encyclopedia Americana International Edition*, vol. 29, 783.

³⁰ Ahmad Shalaby, *Muqaranatul Adyan: Al-Yahudiyah: Perbandingan Agama: Agama Yahudi*, terj. A. Wijaya. (Jakarta: Bumi Aksara, 1991), 91.

merancang agar masa depan untuk mendirikan negara buat bangsa Yahudi tidak terganggu.³¹

Bermula pada tahun 1882M, Dawlah Uthmaniyyah mula mengehendkan penghijrahan Yahudi Rusia ke Palestin. Walau bagaimanapun, sekatan ini tidak dikenakan ke atas Yahudi Dawlah Uthmaniyyah. *Sublime Porte* mengeluarkan perintah menyatakan bahawa Yahudi Rusia “*who had unconditionally accepted Ottoman citizenship*” dibenarkan untuk tinggal di mana-mana sahaja di *dawlah* ini kecuali Palestin, yang mana di dalam kumpulan yang tidak lebih daripada 100 hingga 150 keluarga. Pada tahun 1884 M juga, apa sahaja migrasi besar-besaran dihalang oleh *Porte* kecuali bagi orang Islam yang melarikan diri dari Kaukasus. Ini kerana mereka bukanlah imigran tetapi merupakan pelarian yang melarikan diri daripada penganiayaan Rusia pada ketika itu.³²

Pada penghujung tahun 1890M, sekatan ini diteruskan bagi menghadapi kemungkinan usaha Zionis yang boleh menggugat *dawlah*.³³ Sultan Abdul Hamid II pernah menyatakan bahawa Zionis tidak hanya berminat dalam menjalankan kegiatan pertanian seperti yang dikatakan oleh Theodor Herzl tetapi tujuan mereka adalah bagi menubuhkan sebuah kerajaan mereka sendiri di atas tanah Palestin.³⁴ Oleh kerana itu, pada tahun 1899 M, *dawlah* telah menghalang semua penempatan Yahudi di Palestin.³⁵

Manakala bagi tujuan perjalanan atau lawatan ke tanah suci/*holy land*, satu undang-undang baru bertarikh 29 Julai 1899 menetapkan bahawa semua Yahudi Dawlah Uthmaniyyah ataupun bukan hendaklah memiliki *pass (tezkere)* atau passport. Tiada halangan dikenakan bagi tujuan melawat *Holy Land* tetapi halangan ini dikenakan kepada penubuhan penempatan.³⁶

Meskipun begitu, bagi memenangi hati Sultan Abdul Hamid II, gerakan Zionis yang diketuai oleh Theodor Herzl telah membuat lima kali lawatan ke Constantinople diantara tahun 1896 hingga 1902.³⁷

Pada 19 Mei 1901, beliau akhirnya diterima untuk berjumpa dan menyampaikan hasratnya kepada Sultan Abdul Hamid II. Walau bagaimanapun, permintaan pihak Zionis ditolak mentah-mentah oleh baginda. Baginda menegaskan bahawa, “*I never sell any land, be it an inch, for this land pertains to the Ottoman Nation, not to me. As my people have earned these lands in return for blood, we shall give them back in that manner.*”³⁸

Tindakan Sultan Abdul Hamid II dalam mempertahankan Palestin ini juga dapat dilihat daripada penggubalan empat dasar polisi yang dipertanggungjawabkan oleh kementerian yang berbeza.³⁹

- 1) Kementerian Luar Uthmaniyyah (*Ottoman Foreign Ministry*)
- 2) Kementerian Dalam Negeri (*Ministry of the Interior*)
- 3) *Grand Vezirate*
- 4) Jabatan Pendaftaran Tanah (*Department of Land Registration*)

Pelaksanaan dasar yang memabitkan empat pihak yang berbeza ini menggambarkan penekanan kerjasama dalam sesebuah pentadbiran. Sultan Abdul Hamid II bijak dalam menyusun atur pentadbiran pada ketika itu agar setiap kementerian yang dipertanggungjawabkan memainkan peranan masing-masing dalam menghalang penjajahan Zionis ke atas bumi Palestin. Penekanan aspek kerjasama ini bertepatan dengan firman Allah swt:

Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, dan jangan tolong menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertaqwalah kepada Allah, sungguh, Allah sangat berat siksa-Nya. (Al- Qur'an 5: 2)

Kementerian Luar Uthmaniyyah (*Ottoman Foreign Ministry*) berperanan bagi memastikan agar kuasa-kuasa besar tidak memberi apa-apa sokongan kepada pihak Zionis. Kementerian ini akan terlibat dalam segala hal pembuat keputusan antara Dawlah Uthmaniyyah dan pihak Zionis. Kementerian Dalam

³¹ Hashim Al-Khred, Zorhan Alattas & Buhari Badron, *Strategi Yahudi-Zionis Menguasai Dunia* (Johor: Koperasi Penulis dan Pembaca Muar Berhad, 2006), 47.

³² Basak Kale, “Transforming an Empire: The Ottoman Empire’s Immigration and Settlement Policies in the Nineteenth and Early Twentieth Centuries,” *Middle Eastern Studies* 50, 2 (2014), 260 & 261.

³³ *Ibid.*

³⁴ Mim Kemal Oke, “The Ottoman Empire, Zionism, and the Question of Palestine (1880- 1908)”, 331 & 332.

³⁵ Basak Kale, “Transforming an Empire: The Ottoman Empire’s Immigration and Settlement Policies in the Nineteenth and Early Twentieth Centuries”, 261.

³⁶ *Ibid.*

³⁷ Bulent Kemal Oke, “Zionist and the Ottoman Foreign Ministry during the Reign of Abdulhamid II (1876-1909)”, *Arab Studies Quarterly* 2, 4 (1980), 364.

³⁸ Ahmed Akgündüz dan Said Öztürk, *Ottoman History: Misperceptions and Truths* (Rotterdam: IUR Press, 2011), 337 & 338.

³⁹ Bulent Kemal Oke, “Zionist and the Ottoman Foreign Ministry during the Reign of Abdulhamid II (1876-1909)”, 365.

Negeri (*Ministry of the Interior*) pula perlu mencari jalan bagi menghalang Zionis dari memasuki Palestin. Pihak *Grand Vezirate* ditugaskan bagi memastikan Zionis tidak mendapat perlindungan asing dan hak-hak sebagai warganegara. Jabatan Pendaftaran Tanah (*Department of Land Registration*) pula bertanggungjawab menghalang pengambilalihan dan pemilikan tanah oleh Yahudi di Palestin dan kawasan sekitarnya.⁴⁰

Tindakan tegas Sultan Abdul Hamid II sebagai reaksi terhadap penjajahan Zionis ke atas Palestin terus dibicarakan para ahli akademik dan sejarah sehingga kini. Tidak kurang juga dengan tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh para Orientalis yang mengkritik baginda. Tuduhan-tuduhan itu amat bertentangan dengan sifat peribadi Sultan sebagai khalifah Islam. Baginda merupakan seorang Sultan yang mementingkan agama tidak seperti Sultan-Sultan yang terdahulu sebelumnya. Keperibadian Islam yang ada dalam diri baginda menggambarkan aspek yang penting dalam pemilihan pemimpin seperti yang digariskan oleh Al-Qur'an. Firman Allah swt:

Sungguh, telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari Kiamat dan yang banyak mengingat Allah. (Al-Qur'an 33: 21)

Penutup

Negara-negara Arab di bawah Dawlah Uthmaniyyah yang menginginkan kemerdekaan telah membantu negara-negara bersekutu menentang Khilafah pada tahun 1915. Britain merupakan salah satu anggota negara-negara Bersekutu berjanji bahawa mereka akan diberikan kemerdekaan apabila Perang Dunia Pertama tamat. Meskipun begitu, janji tersebut dimungkirkan apabila Perjanjian Sykes-Picot diantara Perancis dan Rusia dibuat. Negara-negara Arab dan sebahagian dari Turki telah dibahagikan.⁴¹

Setelah jatuhnya Khilafah Islamiyyah, tanah air Islam berpecah belah menjadi negara-negara kecil dan wilayah-wilayah yang sempit. Semua itu bertitik tolak daripada politik *divide and rule* (pecah dan perintah) yang diterapkan. Seterusnya didirikan negara Israel di atas serpihan-serpihan Khilafah di bumi Palestin.⁴²

Meskipun begitu, ketokohan dan sumbangan Sultan Abdul Hamid II tidak dapat dinafikan. Baginda mampu bertahan dan memberi sumbangan yang sangat besar dalam dunia Islam walaupun Dawlah Uthmaniyyah telah masuk ke dalam fasa kejatuhan. Masa yang berbaki digunakan sebaik mungkin bagi memperbaiki segala kelopongan yang terdapat pada *dawlah*. Tempoh 33 tahun pemerintahan bukanlah suatu masa yang singkat juga kerana hanya sosok tubuh yang luar biasa mampu bertahan dalam keadaan *dawlah* yang serba nazak itu. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita sebagai setiap muslim untuk meneruskan legasi yang ditinggalkan oleh Sultan Abdul Hamid II ini.

RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] Al-Quran al-Karim
- [2] Ahmad Shalaby. (1991). *Muqaranatul Adyan: Al-Yahudiyah: Perbandingan Agama: Agama Yahudi*, terj. A. Wijaya. Jakarta: Bumi Aksara.
- [3] Ahmed Akgündüz dan Said Öztürk. (2011). *Ottoman History: Misperceptions and Truths*. Rotterdam: IUR Press.
- [4] Ali Muhammad Ash-Shalabi. (2003). *Dawlah al-'Uthmaniyyah 'awamil al-nuhud wa-asbab al-suqut: Bangkit dan runtuhnya Khilafah Utsmaniyyah*, terj. Samson Rahman. Jakarta Timur: Pustaka Al-Kautsar.
- [5] Aref El-Aref. (1975). "The Closing Phase of Ottoman Rule in Jerusalem," dalam *Studies on Palestine During The Ottoman Period*, ed. Moshe Ma'oz. Jerusalem: The Magnes Press.
- [6] Arthur Hertzberg. (1959). *The Zionist Idea: A Historical Analysis and Reader*. New York: Doubleday & Company, Inc. and Herzl Press.
- [7] Basak Kale. (2014). "Transforming an Empire: The Ottoman Empire's Immigration and Settlement Policies in the Nineteenth and Early Twentieth Centuries," *Middle Eastern Studies* 50, 2.
- [8] Bulent Kemal Oke. (1980). "Zionist and the Ottoman Foreign Ministry during the Reign

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ Ismail Zayid, *Palestin Warisan Kita* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1977), 8& 9.

⁴² Ghazi Muhammad Al-Qarni, *Masadir al-Fikr al-Yahudi al-Ma'asir: Menyingkap Kejahatan Yahudi*, terj. Ummu Fatimah Az-Zahra (Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa, 2001), 82.

- of Abdulhamid II (1876-1909)", *Arab Studies Quarterly* 2, 4.
- [9] Caesar E. Farah. (2008). *Abdulhamid II and The Muslim World*. Istanbul: Foundation for Research on Islamic History, Art and Culture (ISAR).
- [10] Dra Hermawati. (2004). *Sejarah Agama & Bangsa Yahudi*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- [11] Eeman Mohamed Abbas. (2007). *Sultan 'Abd al-Hamid II dan Kejatuhan Khilafah Islamiah: Peranan Gerakan Nasionalis & Golongan Minoriti*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- [12] Ghazi Muhammad Al-Qarni. (2001). *Masadir al-Fikr al-Yahudi al-Ma'asir: Menyingkap Kejahatan Yahudi*, terj. Ummu Fatimah Az-Zahra. Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.
- [13] Hashim Al-Khred, Zaroan Alattas & Buhari Badron. (2006). *Strategi Yahudi-Zionis Menguasai Dunia*. Johor: Koperasi Penulis dan Pembaca Muar Berhad.
- [14] Howard Morley Sachar. (1963). *The Course of Modern Jewish History*. New York: A Delta Book.
- [15] Ilan Pappé. (2006). *A History of Modern Palestine*, ed. ke-2. New York: Cambridge University Press.
- [16] Ismail Zayid. (1977). *Palestin Warisan Kita*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- [17] James W. Carey. (1992). *Communication As Culture: Essays on Media and Society*. New York: Routledge.
- [18] M. Shahid Alam. (2009). *Israeli Exceptionalism: The Destabilizing Logic of Zionism*. New York: Palgrave MacMillan.
- [19] Marwan R. Buheiry. (1977). "Theodor Herzl and the Armenian Question," *Journal of Palestine Studies* 7, 1.
- [20] Mim Kemal Oke. (1982). "The Ottoman Empire, Zionism, and the Question of Palestine (1880-1908)," *International Journal of Middle East Studies* 14, 3.
- [21] Mohamad Fauzi Zakaria dan Mohd Roslan Mohd Nor. (2013). *Bumi yang Dijanjikan: Konflik Palestin-Israel*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- [22] Muhammad Harb. (2013). *Muzakkirat Sultan Abdul Hamid II: Memoar Sultan Abdul Hamid II: Benteng Terakhir Khilafah Utsmani Dalam Menghadapi Yahudi Freemason dan Sekular Liberal*, terj. Masturi Irham & Mujiburrahman. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- [23] Philip K. Hitti. (1956). *History of The Arabs: From the Earliest Times to the Present*. London: MacMillan LTD.
- [24] Sabaruddin Hussein. (2011). *Agenda Yahudi Menakluki Dunia: Rahsia di Sebalik Rahsia*. Selangor: PTS Islamika.
- [25] Shafie Abdul Rahman. (2016). *Zionis Israel: Detik Kehancurannya Semakin Hampir*. Selangor: Yamani Angle Sdn Bhd.
- [26] *The Encyclopedia Americana International Edition*, vol. 29
- [27] W. P. Andrew. (1897). *Memoir on the Euphrates Valley Route to India: with Official Correspondence and Maps*. London: Wm. H. Allen & Co.
- [28] Yakup Bektas. (2000). "The Sultan's Messenger: Cultural Constructions of Ottoman Telegraphy, 1847-1880," *Technology and Culture* 41, 4.
- [29] Yusuf al-Qaradhawi. (2012). *Al Quds: Qadhiyyatu Kulli Muslim: Al-Quds dan Palestin: Tanggungjawab Kita Bersama*, terj. Sanggar Terjemah Kahirah. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.